

Program *Outreach Skim* Latihan 1Malaysia 2012 Negeri Sabah

Disediakan oleh : Mohd Khairuddin Ahmad

Program Outreach Skim Latihan 1Malaysia atau dikenali sebagai SL1M Peringkat Negeri Sabah telah berjaya dilancarkan pada 2 Oktober 2012 yang lalu dan telah dirasmikan oleh YAB Datuk Seri Panglima Musa Hj. Aman, Ketua Menteri Sabah. Majlis yang dihadiri oleh kira-kira 1000 orang mahasiswa daripada Universiti Malaysia Sabah dan IPTA/S sekitar Kota Kinabalu itu telah berlangsung sehari bermula daripada jam 8.00 pagi sehingga 5.00 petang bertempat di Dewan Kuliah Perdana 2, bangunan Kompleks Akademik, UMS.

Pada sebelah petang, Sesi Penerangan Insentif Potongan Cukai Berganda kepada Syarikat yang turut diadakan bagi memberi keistimewaan kepada syarikat-syarikat swasta yang menyertai program tersebut. Sesi temuduga terbuka juga diadakan kepada graduan-graduan dan kepada mahasiswa yang masih menuntut dan berada di tahun akhir pengajian. Program Outreach Skim Latihan 1Malaysia ini bertujuan untuk memberi peluang kepada para graduan yang masih belum bekerja untuk menghadapi

alam pekerjaan dan latihan bekerja bagi menimba seberapa banyak pengalaman melalui syarikat yang turut serta dan dalam masa yang sama syarikat tersebut secara langsung mempunyai tenaga buruh yang segera di samping mereka dibayar elaun sebagai bayaran sara hidup kepada peserta yang menyertai program ini. Potongan Cukai Berganda diberi kepada Syarikat yang menawarkan diri bagi menyertai program tersebut.

